



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™

SEMESTER 1 2021/2022

PPK 332 PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

DISEDIAKAN OLEH:



CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER

(145719)

NAMA PENSYARAH:

LOW HUI MIN

TARIKH HANTAR:

18 FEBRUARI 2022

- 1. Sam ialah seorang budak Sindrom Down berumur 2 tahun. Pilih TIGA (3) aktiviti intervensi yang sesuai untuk Sani mengikut domain perkembangan yang berbeza.**
- Untuk setiap aktiviti, ulaskan**

I. Fungsi aktiviti

II. Langkah pelaksanaan aktiviti

Pada masa era ini, Sindrom Down merupakan sesuatu perkara yang tidak lagi asing di dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana, majoriti masyarakat tahu apa itu Sindrom Down. Namun begitu, permasalahannya adalah, masyarakat sering menyalahertikan makna Sindrom Down. Dimana masyarakat sering menganggap bahawa Sindrom Down adalah satu penyakit dan menyebabkan golongan ini sering dipandang rendah. Hakikatnya, Sindrom Down bukanlah satu penyakit namun ia adalah satu ketidakupayaan genetik yang tidak boleh diubati dengan cara tradisional maupun moden. Sindrom Down terjadi semasa proses pembentukan janin di dalam rahim ibu. Dimana berlaku pertambahan satu kromosom pada pasangan kromosom ke 21. Jadi perkara ini menyebabkan Sindrom Down berlaku. Salah satu penyebab yang menyebabkan pasangan sangat berisiko untuk mendapatkan anak Sindrom Down adalah apabila usia ibu semakin meningkat. Namun begitu, Sindrom Down dianggarkan terjadi pada setiap 650-800 kelahiran seseorang individu dan bayi atau golongan berjantina lelaki lebih cenderung untuk mendapatkan Sindrom Down. Ciri-ciri yang dialami oleh individu Sindrom Down adalah hampir sama. Iaitu dari segi fizikal, kognitif dan sosial. Dimana individu dengan Sindrom Down mempunyai muka yang hampir sama, saiz mulut kecil, kerap menjelir lidah, pangkal hidung yang kemik, tahap IQ yang rendah, mudah terhibur dan banyak lagi.

Sindrom Down ini tidak boleh diubati sepenuhnya dalam diri individu, namun ia boleh dikurangkan atau diperbaiki tingkah laku individu tersebut melalui beberapa intervensi. Berdasarkan situasi Sani yang berumur 2 tahun, sepatutnya Sani telah menguasai teori Jean Piaget iaitu pada peringkat sensori motor (0-2 tahun) dan memasuki peringkat pra operasi (2-7 tahun). Pada tahap ini, Sani sepatutnya telah menguasai penggunaan deria motor dalam memahami, mengaitkan dan berinteraksi dengan persekitarannya. Namun begitu, disebabkan Sani mengalami masalah Sindrom Down, Sani mempunyai kelambatan dalam proses tumbesarananya berbanding kanak-kanak normal. Oleh itu, terdapat beberapa intervensi yang boleh digunakan kepada Sani untuk meningkatkan semula kefahaman Sani seiring dengan peningkatan usianya.

Intervensi ini dibagikan kepada tiga iaitu, kognitif, sosial dan fizikal (motor kasar dan motor halus). Pertama sekali, intervensi yang akan dibincangkan adalah dari segi kognitif. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, kognitif didefinisikan sebagai satu proses menggunakan mental atau fikiran untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu proses pembelajaran. Namun begitu, dalam situasi Sani, Sani mengalami Sindrom Down dimana Sani cenderung mempunyai masalah dengan ingatan, generalisasi, metakognisi, motivasi dan bahasa. Perkara ini membawa kepada kelambatan bahasa kerana mereka mengambil masa yang sangat lama untuk memahami sesuatu konsep. Oleh itu, intervensi dari segi kognitif yang sesuai dijalankan ke atas Sani adalah membawa Sani membuat aktiviti berkaitan pengecaman seperti *puzzle*. Namun begitu, *puzzle* tersebut hendaklah bersaiz besar bagi tujuan keselamatan. Antara *puzzle* yang sesuai pada umur Sani ialah menyusun *puzzle* mengikut huruf, warna dan bentuk yang sama. Melalui cara ini, Sani akan mudah untuk melakukan pengamatan. Apabila dilakukan berulang kali, Sani akan boleh melakukan aktiviti tersebut secara sendiri. Sambil melakukan pengamatan, guru atau penjaga harus menyebut huruf, warna dan bentuk tersebut. Hal ini demikian supaya, Sani dapat sentiasa mengingati perkara yang harus diingati.

Intervensi seterusnya adalah dari segi sosial. Sosial didefinisikan sebagai segala sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat atau sifat kemasyarakatan dimana berlakunya interaksi dua hala antara individu. Namun begitu, bagi individu Sindrom Down kebanyakannya mereka mempunyai masalah dalam hubungan sosial. Dimana mereka kurang diterima oleh masyarakat, rakan-rakan sebaya dan mereka cenderung diketepikan secara langsung. Hal ini turut dipengaruhi oleh kelambatan mereka dari segi kognitif yang menyebabkan mereka lambat matang, sukar menyesuaikan diri dengan situasi sosial dan mempunyai masalah dalam menguasai tanda-tanda sosial yang bersifat abstrak. Dimana mereka sering salah dalam mentafsir tingkah laku atau komunikasi bukan lisan sehingga menimbul ketidakselesaan terhadap orang lain, lalu menyebabkan mereka disishkan. Oleh itu, intervensi sosial yang sesuai digunakan keatas Sani dari segi sosial ialah belajar beinteraksi bersama rakan melalui kaedah bermain. Dimana guru boleh menetapkan tema bagi permainan yang akan dijalankan oleh Sani dan rakan-rakan sekelasnya. Sebagai contoh, pada hari tersebut, tema permainan adalah berkaitan dengan makanan kegemaran murid. Dimana murid akan bergilir-gilir menceritakan mengenai makanan kegemaran mereka. Semasa aktiviti, guru dan rakan-rakan boleh bertanya soalan berkaitan kepada murid. Kemudian, di akhir permainan, guru boleh bertanya semula kepada murid, apakah makanan kesukaan rakan

mereka. Sambil itu, guru boleh mengajar murid untuk berbagi sesuatu yang mereka miliki bersama rakan lain. Melalui cara ini, murid secara tidak langsung, belajar berinteraksi dengan rakan lain dan menambahkan sifat berbagi dalam diri murid. Namun begitu, aktiviti ini memerlukan bantuan daripada ibubapa untuk menyediakan makanan kegemaran murid dan untuk dibawa ke sekolah dan dikongsikan bersama rakan lain.

Intervensi yang terakhir adalah dari segi fizikal. Iaitu berkaitan dengan motor halus dan motor kasar murid. Motor halus adalah pergerakan yang melibatkan otot-otot kecil seperti koordinasi mata dan pergerakan jari. Manakala motor kasar adalah pergerakan otot-otot besar seperti kaki semasa menendang bola. Bagi intervensi fizikal motor halus, aktiviti yang boleh dipraktikkan terhadap Sani adalah menulis di atas pasir. Dimana guru membawa pasir di dalam bekas dan meminta Sani menulis semula huruf yang disebut atau ditulis di papan pada pasir tersebut. Selain itu, guru boleh meminta Sani untuk menyambung titik pada helaian kertas yang diberi. Hal ini bagi menguji koordinasi mata dan pergerakan jari Sani. Bagi motor kasar pula, disebabkan kebanyakan kanak-kanak Sindrom Down tidak mempunyai masalah fizikal, maka Sani boleh dibawa bermain. Antara permainan yang boleh dilakukan adalah melambung bola, menyepak bola dan menari mengikut muzik. Melalui cara ini juga, emosi dan interaksi sosial murid dapat ditingkatkan. Hal ini demikian kerana, murid Sindrom Down sangat suka akan hiburan dan aktiviti-aktiviti seperti bermain.

Kesimpulannya, setiap permasalahan pasti mempunyai cara penyelesaiannya. Walaupun sukar untuk diselesaikan secara keseluruhan, namun dapat dikurangkan. Terutamanya dalam pengurusan kanak-kanak Sindrom Down seperti Sani. Guru-guru, ibubapa, penjaga dan semua pihak hendaklah bijak dalam memilih cara yang sesuai untuk menguruskan mereka. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak ini juga mempunyai keistimewaan mereka sendiri. Dimana perkara ini menjadi tanggungjawab guru-guru dan orang terdekat untuk menggilap kemampuan mereka. Masyarakat juga memainkan peranan untuk memberi dorongan dan semangat kepada ibubapa. Bukan malah memandang serong terhadap keluarga yang mempunyai kanak-kanak Sindrom. Hal ini kerana, sokongan dari semua aspek sangat diperlukan agar dapat menghasilkan kanak-kanak Sindrom yang bertanggungjawab dan boleh berdikari.